



1

OBJEKTIF LAWATAN

MEMASTIKAN MAJIKAN MEMATUHI AKTA PENCEN PIHAK BERKUASA BERKANUN DAN TEMPATAN 1980 (AKTA 239) & PEKELILING PERKHIDMATAN (PP) BERKAITAN

- ▶ Menyemak maklumat caruman yang diterima daripada majikan.
- ▶ Mengenal pasti majikan yang tidak mematuhi Akta 239 dan Pekeliling Perkhidmatan yang berkaitan berdasarkan maklumat yang dibekalkan oleh majikan seperti:
 - Maklumat Pemberian Taraf Berpencen (PTB)
 - Maklumat Kenaikan Gaji Tahunan (KGT)
 - Maklumat Kenaikan Pangkat
 - Lain-lain maklumat berkaitan dengan sebarang pelarasan gaji pegawai
- ▶ Merangka program lawatan pematuhan & penguatkuasaan.

2

PENGISIAN LAWATAN

- ▶ Pegawai KWAP akan hadir di premis majikan untuk:
 - Menyampaikan maklumat kesedaran (*awareness*) berkaitan pengurusan caruman.
 - Memeriksa data caruman yang dibayar oleh majikan.
 - Membincangkan sebarang permasalahan berkaitan caruman KWAP secara bersemuka.



A

**SEBELUM
LAWATAN****KWAP :**

- Memaklumkan kepada majikan mengenai butiran lawatan dan mendapatkan persetujuan majikan.
- Mendapatkan maklumat caruman daripada majikan berdasarkan senarai semak (checklist).

MAJIKAN :

- Memberikan maklumat yang diminta dalam tempoh yang telah ditetapkan dan sebelum tarikh lawatan yang telah dipersetujui.

B

**SEMASA
LAWATAN****MAJIKAN :**

- Pegawai perhubungan (*liaison officer*) di peringkat majikan hendaklah seorang yang:
 - Arif dan mahir di dalam pengurusan caruman KWAP.
 - Boleh menyediakan maklumat dan rekod-rekod pegawai yang dicarum seperti Buku Perkhidmatan dan lain-lain.
 - Boleh memberikan maklumat dan pengesahan yang diperlukan semasa sesi lawatan.

KWAP :

- Sebarang penemuan seperti ketidakpatuhan di dalam pengurusan caruman, taksiran tunggakan dan lain-lain akan dibentangkan semasa sesi penutup (*exit meeting*).

C

**SELEPAS
LAWATAN****KWAP :**

- Melaporkan penemuan semakan dalam tempoh 14 hari bekerja untuk tindakan selanjutnya.

MAJIKAN :

- Memberikan maklum balas kepada penemuan semakan dan menjelaskan sebarang tunggakan (jika ada) dengan kadar segera dalam memastikan caruman majikan adalah tepat dan teratur.